



**STRATEGI DAN CABARAN PENGURUSAN AKTIVITI
DAKWAH SEPANJANG PANDEMIK COVID-19 DI MASJID-
MASJID DAERAH DI NEGERI SEMBILAN**

OMAR BIN ISMAIL

&

ANUAR BIN PUTEH

PENGENALAN

- Pada permulaan tahun 2020, dunia dikejutkan dengan satu fenomena yang memberi impak kepada segala aspek dalam kehidupan masyarakat dunia.
- Kes pertama *novel coronavirus* (Covid-19) atau dikenali sebagai 2019-nCoV di Malaysia telah disahkan pada 25 Januari 2020 melibatkan tiga warga Cina yang masuk ke Malaysia melalui Johor dari Singapura pada 23 Januari 2020.
- Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 16 Mac 2020 untuk semua negeri di Malaysia.
- PKP yang dilaksanakan telah menjejaskan pendapatan dan perbelanjaan, Pendidikan, kesihatan, keselamatan, kebajikan, hubungan sosial termasuk aktiviti keagamaan.

PERMASALAHAN KAJIAN

- Setiap Masjid Daerah yang berada di Negeri Sembilan menjalankan aktiviti dakwah untuk menyampaikan syiar Islam kepada masyarakat.
- Banyak program seperti majlis-majlis ilmu, program bersama masyarakat yang dijalankan serta program bantuan untuk asnaf dan fakir miskin.
- Kerajaan Malaysia secara rasmi mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- Disebabkan itu, program-program yang dirancang oleh pihak pengurusan masjid telah tertangguh atau dibatalkan.
- Pihak pengurusan masjid menghadapi cabaran dalam menjalankan aktiviti dakwah.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti impak pandemik Covid-19 terhadap aktiviti dakwah di Masjid-Masjid Daerah di Negeri Sembilan.
- b) Mengkaji strategi yang digunakan oleh pihak pengurusan Masjid-Masjid Daerah di Negeri Sembilan untuk menjalankan aktiviti dakwah sepanjang pandemik Covid-19.
- c) Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan Masjid-Masjid Daerah di Negeri Sembilan untuk menjalankan aktiviti dakwah sepanjang pandemik Covid-19.

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP AKTIVITI DAKWAH

- Penutupan masjid membawa kepada penangguhan segala aktiviti dakwah seperti majlis-majlis ilmu, bacaan yasin dan tahlil dan doa selamat.
- Keterlibatan masyarakat Islam dalam aktiviti dakwah merosot
- Sumber kewangan yang terhad
- Norma baharu dalam menjalankan aktiviti dakwah

STRATEGI DAKWAH YANG DIGUNAKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN MASJID

- Penubuhan masjid adalah sebagai rumah ibadat untuk umat Islam dan juga sebagai tempat berkumpulnya umat Islam.
- Institusi masjid amat penting dalam pembangunan Islam dan umatnya. Malahan perkara pertama yang dilakukan oleh baginda Nabi Muhammad SAW ketika sampai di Madinah dalam peristiwa hijrah ialah membina masjid di Quba.
- Dalam situasi pandemik yang berlaku ini, masjid perlu menyusun strategi yang berkesan untuk menjadikan masjid sebagai sebuah tunggak utama dalam membantu masyarakat yang menghadapi kesusahan selain berperanan penting untuk menyebarkan kefahaman Islam agar masyarakat tidak berfikiran negatif sepanjang berlakunya pandemik Covid-19 ini.

a) Mengikuti saranan kerajaan dalam melaksanakan SOP.

- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) sentiasa memberi perhatian kepada perkembangan semasa penularan wabak pandemik Covid-19.
- Jumlah jemaah yang dibenarkan untuk solat di dalam masjid adalah warganegara Malaysia dan lelaki serta Wanita yang berumur 15 tahun keatas.
- Masjid juga menentukan kehadiran jemaah secara terbuka (walk in) dan jemaah wajib mengimbas suhu serta QR Code MySejahtera yang disediakan oleh pihak masjid.
- Perkara ini kerana kebimbangan pihak masjid agar tidak berlaku sebarang kluster yang akan memburukkan nama baik institusi masjid.

b) Menjadikan Masjid sebagai Institusi yang Diperlukan oleh Masyarakat Islam

- Masjid sememangnya sebuah institusi yang amat diperlukan oleh masyarakat Islam.
- Dalam tempoh pandemik yang berlaku masjid seharusnya menjadi pahlawan dalam membantu masyarakat Islam dan membuat masyarakat tidak merasa dipinggirkan atau dilupakan oleh institusi masjid.
- Masjid hendaklah bangun membantu supaya masyarakat tidak memandang masjid sebagai institusi yang tidak berperanan dalam masyarakat.
- Perkara ini juga dapat membentuk hati umat Islam dan bukan Islam untuk lebih dekat dengan masjid.

c) Sentiasa mengadakan majlis-majlis keagamaan melalui pelbagai platform

- Dunia kini telah berada di era kemodenan yang menyebabkan ilmu yang baik itu dapat disebarkan melalui pelbagai cara.
- Pelbagai aktiviti dakwah seperti ceramah, majlis tahlil dan doa selamat serta kelas-kelas agama dapat dilaksanakan melalui platform yang disediakan seperti Facebook, aplikasi Zoom serta Youtube.
- Di aplikasi Facebook, sesuai diadakan kelas-kelas agama kerana pelbagai lapisan masyarakat dapat menyertai kelas tersebut secara atas talian dengan dipimpin oleh penceramah.
- Jumlah tontonan sudah cukup untuk memberi gambaran bahawa masih ramai lagi yang bersedia untuk menuntut ilmu agama walaupun dalam tempoh pandemik.

CABARAN YANG DIHADAPI OLEH PIHAK PENGURUSAN MASJID

a) Kekurangan pengetahuan berkenaan teknologi yang terkini

- Seseorang masjid melantik golongan tua untuk menjadi imam dan pihak pengurusan masjid.
- Kawasan pendalaman dan kurang terdedah dengan teknologi.
- Cabaran yang utama untuk menjalankan aktiviti dakwah kerana golongan ini kurang berpengetahuan mengenai teknologi-teknologi yang boleh digunakan sebagai platform untuk berdakwah dan mengadakan majlis-majlis keagamaan.

b) Keadaan politik negara mempengaruhi pelaksanaan aktiviti dakwah

- Umum mengetahui ketika awal tahun 2020, negara Malaysia mempunyai masalah politik dalaman yang agak teruk.
- Menjadi cabaran untuk pihak pengurusan masjid untuk menjalankan aktiviti dakwah kerana terdapat segelintir masyarakat yang masih lagi memandang kepada parti politik dan terdapat juga masjid yang dikuasai oleh individu yang menyokong parti politik tertentu.
- Terdapat masyarakat yang tidak mahu menyertai aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pihak pengurusan masjid kerana memandang kepada parti politik.
- Terdapat juga masyarakat yang menyalahkan kerajaan Malaysia dan menyebarkan berita-berita tidak betul berkenaan SOP di masjid yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH MASJID-MASJID (CONTOH)

a) MASJID NEGERI, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

➤ SUMBANGAN BARANGAN ASAS SUKMAS MASJID NEGERI (JHEAINS) SEMPENA PKP COVID-19.

- Daerah Kuala Pilah.
- Edaran pada 29/3/2020 & 31/3/2020.

b) MASJID JAMEK KUALA KRAWANG, KUALA KRAWANG

➤ BACAAN YASIN DAN TAHLIL PADA SETIAP MALAM JUMAAT.

- Mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan Malaysia.

c) MASJID JAMEK YAM TUAN RADIN

➤ KULIAH MAGHRIB MINGGUAN (FACEBOOK LIVE) MASJID JAMEK YAMTUAN RADEN KUALA PILAH.

- Jam 8.00 malam.
- Kitab Bimbingan Mukmin, Kitab Keperibadian Muslim (Akhlak)
- ZIARAH KASIH (DOOR TO DOOR) MASJID JAMEK YAMTUAN RADEN.
- Diadakan Secara Berkala.
- Ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Yam Tuan Raden Kuala Pilah dengan kerjasama MPKK.

KESIMPULAN

- Masjid memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan ummah yang gemilang dan terbilang.
- Dalam melaksanakan aktiviti dakwah, pelbagai cabaran harus dihadapi agar masyarakat melihat institusi masjid sebagai satu institusi yang penting dalam melindungi masyarakat Islam mahupun bukan Islam.
- Strategi untuk menjalankan aktiviti dakwah haruslah disusun dengan sebaik-baiknya disamping sentiasa menjaga diri agar tidak berlaku penularan wabak pandemik Covid-19.
- Masjid juga seharusnya memainkan peranan dalam melandaikan graf kes pandemik Covid-19 dengan sentiasa mengingatkan umat Islam agar menjaga kebersihan dan mengikuti arahan kerajaan Malaysia.